



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023
DAN TAHUNAN 2023

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2023
AND ANNUAL 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023
DAN TAHUNAN 2023**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA: EKONOMI NEGARA MENCATATKAN PERTUMBUHAN 1.4 PERATUS BAGI TAHUN 2023

1. Ekonomi negara bagi tahun 2023 mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.4 peratus berikutan peningkatan yang berterusan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.5 peratus. Manakala, Sektor Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 2.0 peratus.
2. Peningkatan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara sebanyak 75.8 peratus diikuti oleh Kewangan 37.4 peratus, dan Pembinaan 7.5 peratus. Manakala, penurunan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG).
3. Pada suku tahun keempat (Q4) 2023, pada harga tetap, ekonomi Negara mencatatkan pertumbuhan KDNK yang positif sebanyak 6.8 peratus tahun-ke-tahun disebabkan oleh peningkatan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 11.1 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 3.1 peratus.



4. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan LNG. Peningkatan minyak mentah dan gas asli adalah selaras dengan pengeluaran dari padang minyak dan gas yang baru. Manakala, peningkatan pengeluaran LNG adalah berikutan bekalan gas yang tinggi.
5. Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara sebanyak 29.8 peratus, Kewangan 13.9 peratus, dan Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia 11.7 peratus.
6. Peningkatan Subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah penumpang udara dan kekerapan penerbangan. Manakala peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan dan insuran. Bagi Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia pula, peningkatannya adalah disebabkan oleh pengeluaran produk petrokimia, metanol dan baja urea.
7. Sumbangan utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Q4 2023 mengikut aktiviti ekonomi adalah sektor Industri yang menyumbang sebanyak 60.8 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 38.3 peratus dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 0.9 peratus.

8. Jumlah KDNK, pada harga semasa adalah sebanyak BND5.5 bilion pada Q4 2023 berbanding BND5.7 bilion pada Q4 2022. Daripada jumlah KDNK tersebut, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) telah menyumbangkan sebanyak 47.0 peratus. Manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 53.0 peratus.
9. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q4 2023 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan sebanyak 21.9 peratus berikutan penurunan Import Barang dan Perkhidmatan. Ini diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan masing-masing sebanyak 4.8 peratus dan 2.6 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar mencatatkan penurunan sebanyak 10.4 peratus.

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

| | Q4 2022 | Q4 2023 | Pertumbuhan |
|---|----------------|----------------|-------------|
| | BND Juta | % | |
| Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan | 1,202.6 | 1,233.4 | 2.6 |
| Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah | 1,406.0 | 1,473.6 | 4.8 |
| Pembentukan Modal Kasar | 1,398.4 | 1,252.9 | -10.4 |
| Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan | 938.2 | 1,143.7 | 21.9 |
| Eksport Barang dan Perkhidmatan | 4,386.7 | 4,307.5 | -1.8 |
| Import Barang dan Perkhidmatan | 3,448.5 | 3,163.8 | -8.3 |
| KDNK | 4,901.7 | 5,236.2 | 6.8 |

10. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Tahun Keempat dan Tahunan 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn




**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2023
AND ANNUAL 2023**

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE: BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY GREW 1.4 PER CENT IN 2023

1. *In 2023, Brunei Darussalam's economy grew by 1.4 per cent, which was attributed to a continuous increase in the Non-Oil and Gas sector by 4.5 per cent. Meanwhile, the Oil and Gas Sector declined by 2.0 per cent.*
2. *The increase in the Non-Oil and Gas Sector was driven by the improvement in subsectors such as Air Transport by 75.8 per cent, Finance 37.4 per cent, and Construction 7.5 per cent. However, the contraction of the Oil and Gas Sector was due to a decline in the production of crude oil, natural gas and liquefied natural gas (LNG).*
3. *In Q4 2023, GDP at constant prices, recorded a positive growth of 6.8 per cent in Q4 2023 following an increase in the Oil and Gas Sector by 11.1 per cent and the Non-Oil and Gas Sector by 3.1 per cent.*



4. *The expansion in the Oil and Gas Sector was due to a rise in the production of crude oil, natural gas and LNG. The increase in the production of crude oil and natural gas was in line with the production from a new oil and gas field. Meanwhile, the increase in LNG production was due to higher gas supply.*
5. *The Non-Oil and Gas Sector continued its positive performance with an improvement in subsectors such as Air Transport by 29.8 per cent, Finance 13.9 per cent, and Manufacture of Petroleum and Chemical Products 11.7 per cent.*
6. *The improvement in the Air Transport Subsector was in line with an increase in the number of air passengers and flight frequency. Meanwhile, the growth in the Finance Subsector corresponded with the increased income of banking and insurance activities. As for the Manufacture of Petroleum and Chemical Products Subsector, its expansion resulted from increased production of petrochemicals, methanol and urea fertilizer.*
7. *In terms of GDP contribution by economic activity in the fourth quarter (Q4) of 2023, the Industry Sector contributed 60.8 per cent, followed by the Services Sector 38.3 per cent and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector 0.9 per cent.*

8. Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q4 2023 was valued at BND5.5 billion compared to BND5.7 billion in Q4 2022. From the total GDP, Oil and Gas Sector accounted for 47.0 per cent meanwhile, the Non-Oil and Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 53.0 per cent.
9. By expenditure approach, the increase in GDP growth in Q4 2023 was driven by a rise in the Net Exports of Goods and Services by 21.9 per cent, following a decline in the Imports of Goods and Services. This was accompanied by an increase in the Household Final Consumption Expenditure and Government Final Consumption Expenditure by 4.8 per cent and 2.6 per cent respectively. However, the Gross Capital Formation recorded a decrease of 10.4 per cent.

GDP by Expenditure at Constant Prices

| | Q4 2022 | Q4 2023 | Growth |
|--|----------------|----------------|------------|
| | BND Million | % | |
| Government Final Consumption Expenditure | 1,202.6 | 1,233.4 | 2.6 |
| Household Final Consumption Expenditure | 1,406.0 | 1,473.6 | 4.8 |
| Gross Capital Formation | 1,398.4 | 1,252.9 | -10.4 |
| Net Exports of Goods and Services | 938.2 | 1,143.7 | 21.9 |
| Exports of Goods and Services | 4,386.7 | 4,307.5 | -1.8 |
| Imports of Goods and Services | 3,448.5 | 3,163.8 | -8.3 |
| GDP | 4,901.7 | 5,236.2 | 6.8 |

10. Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q4 2023 and Annual 2024 is available from DEPS's website at deps.mofe.gov.bn